

## Tingkatkan penyelidikan: UMP jalin hubungan dengan MTDC

**KUANTAN** - Universiti Malaysia Pahang menjalankan hubungan dengan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk mempromosikan bidang penyelidikan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hingga ke peringkat antarabangsa.

Usaha yang digarap oleh UMP telah membuka lembaran baru tahun 2008 kepada institusi pendidikan di Pahang untuk kembali memberi saingan dan mengetengahkan bidang penyelidikan ke pasaran lebih besar.

Sehubungan itu, UMP telah menganjurkan program yang dinamakan 'Technology Screening' yang memberi peluang kepada penyelidik menyerlahkan kemampuan projek penyelidikan mereka dan ia turut mendapat kerjasama baik daripada MTDC.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, berkata



Datuk Dr. Mohamed Said (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Pembangunan Teknologi MTDC, Norhalim Yunus sambil diperhatikan oleh Datuk Ismail.

peranan IPTA semakin mendapat perhatian badan-badan korporat yang menunjukkan minat terhadap inovasi penghasilan untuk dibangunkan dengan lebih mantap.

"Program ini mempunyai manfaat baik dan MTDC telah memainkan peranan utama dalam menumpukan daya usaha membantu IPTA. Saya amat berharap UMP dan MTDC dapat menjalankan

hubungan berterusan," katanya ketika menyampaikan ucapan dalam program berkenaan.

Tambahnya, peranan MTDC membantu IPTA menerusi dana yang disediakan sebenarnya banyak membantu penyelidik tempatan mempersempitkan hasil penyelidikan dan ciptaan mereka sebagai produk yang berpotensi untuk dikomersialkan.

"Penyelidik tempatan terdiri daripada pensyarah dan pelajar yang perlu mengambil peluang ini menerusi bantuan kewangan daripada dana-dana penyelidikan yang diwujudkan demi meningkatkan taraf penyelidikan," jelasnya.

Ahli Parlimen Maran, Datuk Ismail Abd. Mutualib bertindak merasmikan majlis penutup semalam yang menjadi titik permulaan kepada aktiviti mengkomersialkan UMP.

Sinar Harian (Kuantan)  
Rhamis 24/11/08 Pg. P2.